



PANDUAN PENGENDALIAN KES-KES MAHKAMAH DAN PERKHIDMATAN MAHKAMAH DI SEMENANJUNG DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 DIPERKETATKAN

1

**Pengendalian
Kes-Kes
Jenayah
di Mahkamah
Terbuka**

2

**Pengendalian
Kes-Kes Sivil**

3

**Pengendalian
Prosiding
Pendengaran
Rayuan
Jenayah**

4

**Pengendalian
Kes-Kes di
Mahkamah
Sekiranya
Perintah
Kawalan
Pergerakan
Diperketatkan
(PKPD)
dikuatkuasakan**

5

**Perkhidmatan
kaunter**



1. PENGENDALIAN KES-KES JENAYAH DI MAHKAMAH TERBUKA

Pengendalian kes-kes jenayah hendaklah berpandukan kepada Arahan Ketua Hakim Negara Mengenai Pengendalian Prosiding Kes Jenayah di Mahkamah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 20 Januari 2021. Bagi maksud pengendalian prosiding di Mahkamah, kerjasama pemegang taruh adalah dipohon untuk mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang berikut:

Melainkan bagi kes-kes pertuduhan baharu dan permohonan perintah, semua pengurusan kes secara fizikal adalah ditangguhkan.



i

iv



Saksi yang terlibat dan dibenarkan untuk menunggu di bilik saksi dengan pematuhan kepada keperluan penjarakan fizikal dan dihadkan kepada dua orang saksi pada satu-satu masa.

Semua kes yang ditetapkan untuk hukuman dan perintah adalah ditangguhkan.



ii

v



Sebelum hadir ke Mahkamah, pihak-pihak hendaklah sentiasa menyemak status kes dari semasa ke semasa.

Bagi kes yang ditetapkan untuk perbicaraan, tiada seorang pun dibenarkan hadir ke prosiding di Mahkamah terbuka kecuali:

- Tertuduh dan dua orang ahli keluarga /kawan / kenalan tertuduh.
- Seorang Timbalan Pendakwa Raya atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah.
- Seorang Peguam bagi pihak tertuduh atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah.



iii

vi



Pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang ditetapkan oleh Mahkamah dan tidak dibenarkan untuk berada di dalam Mahkamah terbuka kecuali apabila kes mereka dipanggil.

vii



Sebarang permohonan penangguhan di saat akhir hendaklah dielakkan.



2. PENGENDALIAN KES-KES SIVIL

A) Pengendalian kes-kes sivil hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sahaja dengan berpandukan kepada Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 Pengendalian Prosiding Kes Sivil di Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh bertarikh 7 Januari 2021.



B) Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 5 Tahun 2021 Mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil Mahkamah Semasa Tempoh Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 17 Februari 2021 adalah tidak terpakai.

3. PENGENDALIAN PROSIDING PENDENGARAN RAYUAN JENAYAH

Pengendalian Prosiding Pendengaran Rayuan Jenayah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah dijalankan menurut Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 6 Pengendalian Prosiding Pendengaran Rayuan Jenayah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Semasa Tempoh Pandemik bertarikh 26 Februari 2021.



MYJudiciary



The Malaysian Judiciary

4. PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SEKIRANYA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DIKUATKUASAKAN.

Sekiranya PKPD dikuatkuasakan, pengendalian kes-kes di Mahkamah yang terlibat adalah berpandukan kepada arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat ini melalui e-mel bertarikh 17 Mac 2020, 26 Mac 2020 dan 26 April 2020.



5. PERKHIDMATAN KAUNTER

Perkhidmatan kaunter adalah tertakluk kepada SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa mulai 25 Mei 2021 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).



MYJudiciary



The Malaysian Judiciary